

Seminar Sains dan Matematik

SEREMBAN 24 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Seminar Sains dan Matematik yang bakal disertai pelajar sekolah agama dari seluruh negeri ini di universiti berkenaan di Nilai, dekat sini pada 18 Jun depan.

Seminar sehari itu turut mendapat kerjasama antara Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (JPNS) dan Persatuan Sains Matematik Malaysia (Persama).

Jawatankuasa penganjur, Mohd Asri Husain berkata, objektif utama program adalah untuk membantu pelajar meningkatkan motivasi serta membina kesedaran terhadap kepentingan menguasai aspek pendidikan terutamanya dalam bidang sains dan matematik.